

NO. SOALAN: 51

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATUK JUMAT BIN IDRIS
[SEPANGGAR]

SOALAN :

Datuk Jumat bin Idris [Sepanggar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan proses permohonan sijil kelahiran daftar lewat supaya Mahkamah menetapkan dalam tempoh 60 hari bagi setiap permohonan di Sabah.

JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Secara dasarnya, pendaftaran kelahiran di Sabah perlu dilakukan dalam tempoh 14 hari daripada/selepas kelahiran sepatimana yang diperuntukkan dibawah Seksyen 9, Ordinan Pendaftaran Kelahiran dan Kematian Negeri Sabah.
2. Walaubagaimanapun, dalam keadaan dimana kelewatan pendaftaran tidak dapat dielakkan, permohonan untuk pendaftaran kelahiran akan dilakukan dalam tempoh masa 42 hari selepas suatu kelahiran itu berlaku. Ini termaktub dalam Seksyen 16, Ordinan yang sama. Di dalam keadaan ini, pendaftaran kelahiran boleh dilakukan seperti biasa selepas pembayaran sesuatu fi atau tertakluk kepada Pendaftar Kelahiran dan Kematian untuk mengecualikan bayaran fi tersebut.
3. Selepas tempoh 42 hari daripada tarikh kelahiran sebenar, permohonan pendaftaran akan dianggap sebagai Pendaftaran Lewat seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 22 (2), Ordinan Pendaftaran Kelahiran dan Kematian Negeri Sabah. Dalam keadaan ini, pendaftaran lewat ini haruslah menjalani satu proses siasatan (*inquiry*) oleh Majistret Kelas Pertama untuk menentusahkan permohonan-permohonan pendaftaran sijil kelahiran lewat ini menurut prosiding yang telah peruntukan dibawah Seksyen 31 Ordinan yang sama.

4. Kes pendengaran Sijil Kelahiran Daftar Lewat memerlukan Mahkamah melaksanakan bidangkuasa separa Kehakiman atau “*quasi judicial*” di mana satu inkuiри akan diadakan di daerah di mana sijil lahir itu akan dikeluarkan dan saksi-saksi dipanggil untuk memberi keterangan. Ia juga untuk memastikan kanak-kanak yang mana sijil daftar lewat itu dikeluarkan adalah warganegara Malaysia. Mahkamah perlu teliti dalam memastikan keterangan yang diberi di mahkamah adalah sahih. Setelah Mahkamah mendengar keterangan saksi-saksi dan meluluskan permohonan, barulah penama/subjek layak membuat Kad Pengenalan diri di Jabatan Pendaftaran Negara.

5. Pendengaran atau inkuiри kes Sijil Kelahiran Daftar Lewat hanya boleh dibuat di hadapan seorang Majistret atau Pegawai Kehakiman lain. Namun begitu, pegawai-pegawai ini juga mempunyai tugas-tugas hakiki yang lain iaitu membicarakan kes-kes Jenayah dan Sivil serta lain-lain di dalam bidangkuasanya yang didaftarkan di Mahkamah tersebut yang perlu diberi keutamaan.

6. Terdapat banyak kes yang mana pemohon dan saksi untuk kes-kes ini tinggal di kawasan pendalaman dimana kaedah perhubungan adalah sukar. Setakat April 2015, jumlah kes sedia ada yang sedang menunggu untuk didengarkan adalah sebanyak 19,000 di seluruh Negeri Sabah dan jumlah ini sentiasa meningkat setiap bulan.

7. Oleh yang demikian, agak sukar bagi pendengaran kes permohonan pendaftaran lewat ini untuk diselesaikan dalam tempoh 60 hari dari tarikh pemfailan permohonan tersebut di Mahkamah.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]

TARIKH : 16 JUN 2015 (SELASA)

SOALAN : 52

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah status terkini permohonan Kerajaan Negeri Perak untuk membina sebuah lapangan terbang antarabangsa di negeri Perak terutamanya cadangan kerja sama Penerbangan AirAsia dengan Sime Darby untuk membina sebuah lapangan terbang antarabangsa di daerah Kerian, Perak.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Unit Perancang Ekonomi (EPU) pada masa ini sedang menjalankan Kajian Pembangunan Lapangan Terbang Antarabangsa Baru di Utara Malaysia. Kajian ini dijangka akan dimuktamadkan pada bulan November 2015. Keputusan kajian tersebut akan memberikan panduan terhadap kebolehlaksanaan projek-projek pembangunan lapangan terbang di utara Malaysia, termasuk cadangan pembinaan lapangan terbang baru di Perak.